

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

Kubur diKL cukup 2061
14 Jul 2009
Kosmo
Negara
N/A
Daily
2,469

Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
12
284 cm²
Full Color
7,408



Kubur di KL cukup 2061

Oleh SUHANA VERU
berita@kosmo.com.my

GOMBAK - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) memberi jaminan umat Islam di sekitar Lembah Klang masih mempunyai tapak tanah perkuburan sehingga tahun 2061.

Pengarah (Jawi), Datuk Che Mat Che Ali berkata, pihaknya telah menyediakan kemudahan pengebumian jenazah orang Islam di satu kawasan di Gombak berhampiran Lebu Raya Karak.

Menurut beliau, tapak dengan keluasan 39.2 hektar itu bagi menampung keperluan umat Islam di Lembah Klang bagi jangka masa panjang berikutan 46 tapak perkuburan sedia ada di Wilayah Persekutuan semakin sempit.

"Tapak perkuburan berdekatan Lebu Raya Karak ini mampu menampung jumlah jenazah sehingga 52 tahun lagi. Oleh itu, tidak timbul soal kekurangan tapak perkuburan di sini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di tapak perkuburan

berdekatan Lebu Raya Karak, di sini semalam.

Beliau berkata, 46 kawasan tapak perkuburan Islam di sekitar Wilayah Persekutuan kini hampir penuh berikutan kadar bilangan kematian setiap tahun semakin meningkat.

Selain itu, katanya, tapak perkuburan di Bukit Kiara telah dikhususkan kepada penduduk di Damansara, Taman Tun Dr. Ismail dan Bangsar.

"Kawasan di Bukit Kiara hanya berkeluasan 3.2 hektar dan sekiranya dibuka kepada orang ramai dari luar, kawasan itu dijangka penuh dalam tempoh satu tahun sahaja.

"Jadi, kami hanya memberi keutamaan kepada penduduk di tiga kawasan itu memandangkan sebelum ini mereka tidak mempunyai tapak perkuburan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, lambakan jenazah yang tidak dituntut atau yang dijangkiti HIV juga akan ditempatkan di kawasan tapak perkuburan baru berdekatan Lebu Raya Karak itu.



CHE MAT (kanan) dan pegawai Jawi meneliti pelan kawasan tanah perkuburan Islam berdekatan Lebu Raya Karak di Gombak semalam.